

PERISTIWA HARI 31 OGOS DI DELHI

Tidak dapat dilupakan bahawa seluruh rakyat Tanah Melayu bergembira dan bersyukur ke Hadrat Allah *'Azza wa Jalla* kerana dapat bersama menyambut Hari Kemerdekaan, setelah merasai kepahitan penderitaan di bawah kekuasaan penjajahan 450 tahun lamanya.

Di merata-rata pelusuk alam di mana adanya pelajar-pelajar dan warga negara Tanah Melayu maka di sana adalah sambutan meriah untuknya. Di samping itu kami pelajar-pelajar Melayu di India juga tidak ketinggalan turut sama bergembira dan bersuka ria.

Pada 31 Ogos, kami telah sedia berada di New Delhi di Malaya House, kerana rancangan-rancangan yang dijalankan itu adalah dimulakan pada pukul 7.40 pagi. Alangkah gembiranya di antara kami pelajar-pelajar dapat beramah tamah, bertukar-tukar fikiran di antara pelajar-pelajar Aligarh, Deoband, Bombay dan Madras. Di dalam masa yang singkat itu sangatlah memuaskan bagi kami pelajar-pelajar sungguhpun di antaranya ada juga yang tak dapat turut pada hari itu. Kerana mereka itu sedang menghadapi peperiksaan dan juga kerana berjauhan tempat.

Di dalam keadaan sebegitu mesra, bergurau senda, tertawa gembira semuanya sederhana, di sebalik kemesraan dan kegembiraan itu suatu peristiwa memanjangkan kisah ini telah terjadi,

Semua manusia mempunyai perasaan semula jadi iaitu cintakan keadilan dan bencikan kezaliman. Perasaan yang tak dapat diubah-ubah, tak mungkin dalih dari jantung insan sekalipun dengan berbagai-bagai helah

ditipudayakan hinggan pada masa ianya sendiri sedang melakukan kezaliman. Maka dengan sebab itulah keadilan adalah satu daripada peraturan yang telah diundang-undangkan oleh Islam ke atas penduduk dunia.

Oleh kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan dan Islam menjadi agama rasmi di dalamnya, dari itu Islam tidak lepas daripada menentukan peraturan-peraturan yang mengenai masyarakat hidup. Tidak ada wujud satu-satu kejadian, kekusutan walau beberapa rumitnya melainkan Islam sanggup dengan halus siasatnya, kemas peraturannya, menyelesaikannya dan menciptakan keadilan.

Kami dari persatuan pelajar-pelajar Melayu di India berasa kesal dan, dan tak puas hati pada hari sambutan kemerdekaan itu kerana perbuatan membeza-bezakan anak sendiri dan yang setengah lagi dianaktirikan. Pada hal kami ada mempunyai persatuan, tetapi kenapakah seorang pun wakil kami tidak diundang, sementalahan pula kami sekalian. Sedangkan pelajar-pelajar Malaya yang terdiri dari Cina dan India sahaja diundangnyanya ke tempat yang kami idamkan itu untuk mendengar ucapan dan kupasan-kupasan dari orang-orang besar di seluruh dunia yang berada di India, bersempena dengan sambutan kemerdekaan tanah air kita itu.

Di atas perbuatan membeza-bezakan inilah kami berasa kesal. Hendaknya tidak akan berulang kali lagi.

Sebagai penutup, kami berharap janganlah hendak berlaku sekali lagi sebagaimana yang telah kami alami. Jalankanlah keadilan untuk mencipta keamanan bagi kepentingan agama nusa dan bangsa selama-lamanya.